

**PERLEMBAGAAN BAGI  
PERTUBUHAN INDUK  
PERSATUAN ALUMNI PROGRAM PERSAHABATAN ASEAN-JEPUN ABAD KE 21  
MALAYSIA**

**FASAL 1 NAMA**

(1) Pertubuhan ini dikenali dengan nama

**PERSATUAN ALUMNI PROGRAM PERSAHABATAN ASEAN-JEPUN ABAD KE 21  
MALAYSIA**

Selepas ini disebut "**Pertubuhan**".

(2) Takrif Nama :

(3) Taraf Pertubuhan : **Lain-lain**

**FASAL 2 TEMPAT URUSAN**

1. Alamat berdaftar dan tempat urusan pertubuhan ialah

**NO: 229C JALAN BANDAR 13, METRO MELAWATI, 53100 KUALA LUMPUR  
53100 KUALA LUMPUR  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

dan alamat untuk surat-menyurat adalah

**NO: 229C JALAN BANDAR 13, METRO MELAWATI, 53100 KUALA LUMPUR  
53100 KUALA LUMPUR  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa;

2. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

**FASAL 3 TUJUAN/MATLAMAT**

Pertubuhan ini ditubuhkan dengan tujuan dan maksud;

3.1. Merapatkan persahabatan, memupuk persefahaman dan meningkatkan kerjasama di kalangan ahli termasuklah dalam bidang pelajaran, kebajikan,  
Salinan diakui sah seperti dokumen asal



kebudayaan dan kemasyarakatan.

3.2. Membantu dan bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam, agensi-agensi kerajaan, Japan International Cooperation Agency, (JICA) Kedutaan Jepun, Persatuan Alumni Program Persahabatan Abad ke 21 Negara-Negara ASEAN serta lain-lain pertubuhan di Malaysia dan luar negeri dalam melaksanakan projek dan aktiviti yang membawa pengukuhan persahabatan dan perpaduan di kalangan masyarakat tempatan, ASEAN dan Jepun.

3.3. Memupuk semangat cintakan Negara melalui aktiviti persatuan, sejajar dengan prinsip Rukun Negara dan berdiri teguh di belakang Kerajaan.

3.4. Menjalankan aktiviti ekonomi bagi menampung perbelanjaan dan program pertubuhan

#### FASAL 4 KEAHLIAN

4.1. Keahlian pertubuhan adalah terbuka kepada warganegara Malaysia seperti berikut:

4.1.1. Ahli Biasa terbuka kepada individu berumur 18 tahun ke atas yang telah mengikuti Program Asean-Japan Friendship-Programm for mthe 21st Century atau Program Young Leaders.

4.1.2. Ahli Bersekutu terbuka kepada mereka yang tidak memenuhi kriteria ahli biasa tetapi pernah mengikuti kursus, latihan atau pendidikan di Jepun. Ahli bersekutu tidak dibenarkan memegang jawatan atau mengundi.

4.1.3. Ahli kehormat terdiri daripada mereka yang berjasa kepada masyarakat dan boleh memberi sumbangan kepada kejayaan pertubuhan

4.1.4. Ahli Seumur Hidup terbuka kepada Ahli Biasa yang membayar yuran seumur hidup.

4.1.5. Ahli Remaja terbuka kepada mereka yang berumur 18 tahun ke bawah yang pernah mengikuti program, kursus, latihan atau pendidikan di Jepun. Mereka perlu mendapatkan surat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga yang sah di sisi undang-undang dan daripada pihak sekolah jika berkenaan. Mereka tidak boleh mengundi atau memegang jawatan dalam pertubuhan.

4.2. Tiap-tiap permohonan menjadi ahli hendaklah dicadang dan disokong oleh ahli dan dihantar kepada Setiausaha Agung yang dikehendaki mengemukakan permohonan itu dengan secepat mungkin kepada Jawatankuasa untuk diluluskan. Jawatan kuasa boleh mengikut budi bicaranya menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya.

4.3. Tiap-tiap pemohon yang permohonannya diluluskan seperti yang tersebut di atas, hendaklah setelah membayar bayaran masuk dan yuran pertama seperti yang



ditetapkan diterima menjadi ahli Pertubuhan dan berhaklah ia sebagai ahli.

#### FASAL 5 PERBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

5.1. Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli Pertubuhan hendaklah memberi kenyataan bertulis dua minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha Agung dan menjelaskan segala hutangnya.

5.2. Mana-mana ahli yang gagal mematuhi undang-undang Pertubuhan atau bertindak dengan cara yang akan mencemarkan nama baik Pertubuhan boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi suatu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa. Sebelum Jawatankuasa memecat atau menggantung keahlian ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungannya secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya. Pemecatan atau penggantungan itu hendaklah dilaksanakan melainkan Mesyuarat Agung menunda atau membatalkan keputusan itu atas rayuan oleh ahli tersebut.

#### FASAL 6 SUMBER KEWANGAN

Sumber kewangan pertubuhan ini adalah daripada:

6.1. Bayaran masuk: RM10.00 (Ringgit: Sepuluh)

6.2. Yuran:

6.2.1. Yuran Tahunan Ahli Biasa RM20.00 (Ringgit: Dua Puluh)

6.2.2. Yuran Ahli Seumur Hidup RM200.00 (Ringgit: Dua Ratus)

6.2.3. Yuran Tahunan hendaklah dijelaskan kepada Bendahari terlebih dahulu sebelum Mesyuarat Agung Tahunan dijalankan.

6.2.4. Ahli yang membiarkan hutang yurannya lebih daripada tiga tahun berturut-turut akan menerima surat peringatan yang ditandatangani oleh atau wakil Setiausaha Agung, dan hilanglah hak-hak keisimewaannya sebagai ahli sehingga hutangnya telah dijelaskan.

6.2.5. Ahli yang membiarkan hutangnya sebanyak lebih dari jumlah yuran bagi tiga tahun dengan sendirinya terhenti daripada menjadi ahli Pertubuhan dan Jawatankuasa boleh memerintahkan supaya tindakan yang sah diambil terhadapnya dengan syarat mereka berpuashati yang ahli itu telah menerima kenyataan berkenaan hutangnya terlebih dahulu.

6.2.6. Jawatankuasa mempunyai kuasa menetapkan yuran masuk semula bagi sesiapa yang telah membiarkan keahliannya terlucah disebabkan hutang.



6.2.7. Yuran khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara yang tertentu boleh dipungut dengan persetujuan mesyuarat agung ahli-ahli. Sekiranya ada ahli yang mungkir membayar wang yuran tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan, maka wang itu dianggap sama seperti hutang yuran bulanan.

#### 6.3. Sumbangan:

Pertubuhan ini dibenarkan untuk menerima sumbangan dalam apa-apa bentuk dan sumbangan yang diterima hendaklah diisytiharkan di dalam penyata Tahunan Pertubuhan.

#### 6.4. Perniagaan:

Pertubuhan ini boleh menjalankan kegiatan ekonomi seperti menjual, membeli, melabur, menyewa, memiliki harta alih dan tak alih dan lain-lain kegiatan ekonomi. Semua wang dan keuntungan yang didapati oleh Pertubuhan ini akan digunakan semata-mata untuk melanjutkan, memajukan dan menjalankan tujuan Pertubuhan dan tiada sebahagian pun daripada wang atau keuntungan tersebut boleh digunakan untuk membayar faedah, keuntungan atau bonus kepada mana-mana ahlinya. Sungguhpun begitu peruntukan ini tidak menghalang sebarang pembayaran yang di buat dengan tujuan baik seperti untuk membayar gaji atau perbelanjaan atau kedua-duanya kepada sebarang ahli atau pekerja Pertubuhan ini.

### FASAL 7 MESYUARAT AGUNG

7.1. Pengelolaan Pertubuhan ini terserah kepada Mesyuarat Agung ahli-ahli. Sekurang-kurangnya satu perdua 1/2 daripada jumlah ahli yang berhak mengundi atau dua kali ganda jumlah ahli Jawatankuasa mengikut mana yang kurang, hendaklah hadir di dalam mesyuarat agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi korum untuk mesyuarat.

7.2. Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh tidak lebih daripada 30 hari yang ditetapkan oleh Jawatankuasa; dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu, maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa meminda undang-undang Pertubuhan.

7.3. Mesyuarat agung tahunan bagi Pertubuhan hendaklah diadakan dengan secepat mungkin setelah berakhirnya tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada 31hb Mei pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa. Kerja-kerja Mesyuarat Agung Tahunan ialah:

7.3.1. Menerima laporan Jawatankuasa berkenaan perjalanan Pertubuhan di dalam tahun lalu;

7.3.2. Menerima laporan Bendahari dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi



tahun yang lalu;

7.3.3. Memilih ahli-ahli Jawatankuasa dan melantik pemeriksa kira-kira untuk tahun yang akan datang; dan

7.3.4. Menguruskan perkara-perkara lain yang dibentangkan di dalam mesyuarat itu.

7.4. Setiausaha agung hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan satu agenda mesyuarat termasuk salinan peringatan mesyuarat dan laporan serta penyata kira-kira Pertubuhan bagitahun lalu yang telah diaudit. Salinan surat-surat ini juga hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat tempat urusan Pertubuhan.

7.5. Mesyuarat Agung Khas bagi pertubuhan ini boleh diadakan:

7.5.1. Bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa; atau

7.5.2. Atas permintaan beramai-ramai dengan bertulis oleh tidak kurang dari 40 orang ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan dan sebab menadakkannya. Permintaan itu hendaklah dihantar kepada Setiausaha Agung Pertubuhan.

7.6. Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.

7.7. Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha Agung kepada semua ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat.

7.8. Fasal 7(1) dan 7(2) di dalam undang-undang ini berkenaan korum dan penagguhan Mesyuarat Agung Tahunan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli itu, maka mesyuarat tersebut hendaklah dibatalkan dan dalam masa 6 bulan dari tarikh ini, Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.

7.9. Setiausaha Agung hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli satu salinan minit tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Khas dengan seberapa segera yang boleh setelah selesainya mesyuara itu.

## FASAL 8 JAWATANKUASA

8.1. Satu Jawatankuasa seperti berikut yang dinamakan Pegawai Pertubuhan



hendaklah dipilih bagi tempoh dua tahun di dalam Mesyuarat Agung Tahunan:

8.1.1. Seorang Presiden

8.1.2. Seorang Timbalan Presiden

8.1.3. Dua orang Naib Presiden

8.1.4. Seorang Setiausaha Agung (dilantik mengikut Fasal 8(2).

8.1.5. Seorang Penolong Setiausaha (dilantik mengikut Fasal 8(2).

8.1.6. Seorang Bendahari (Dilantik mengikut Fasal 8(2).

8.1.7. Lapan orang ahli Jawatankuasa Biasa

8.1.8. Empat orang ahli Jawatankuasa Biasa (dilantik oleh Presiden dengan persetujuan Jawatankuasa).

8.1.9. Seorang pegawai Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai ExOfficio (Jika Perlu).

8.2. Jawatan Setiausaha Agung, Penolong Setiausaha Agung dan Bendahari hendaklah dilantik dari kalangan Ahli-Ahli Jawatankuasa atau ahli-ahli lain yang difikirkan sesuai oleh Presiden dengan persetujuan Jawatankuasa.

8.3. Pemegang-pemegang jawatan Pertubuhan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas eksekutif dalam Pertubuhan ini hendaklah terdiri dari Warganegara Malaysia.

8.4. Nama-nama untuk jawatan-jawatan di atas hendaklah dicadangkan serta disokong dan pemilihan akan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Semua pegawai boleh dipilih semula tiap-tiap tahun.

8.5. Fungsi Jawatankuasa ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian Pertubuhan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Pertubuhan mengikut dasar am yang telah ditetapkan oleh Mesyuarat Agung. Jawatankuasa seharusnya tidaklah boleh mengambil tindakan yang bertentangan dengan keputusan Mesyuarat Agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa mestilah sentiasa mematuhi keputusan Mesyuarat Agung. Jawatankuasa hendaklah mengemukakan laporan berkenaan kegiatannya dalam tahun lalu kepada tiap-tiap Mesyuarat Agung tahunan.

8.6. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam 3 bulan. Notis bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli jawatankuasa 7 hari terlebih dahulu. Presiden dengan bersendirian atau tidak kurang daripada 5 orang ahli Jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-



kurangnya setengah (1/2) daripada bilangan ahli Jawatankuasa hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat.

8.7. Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan, maka Setiausaha Agung bolehlah mendapatkan kelulusan dari ahli-ahli jawatankuasa secara pengedaran surat pekeliling. Syarat-syarat mengenainya seperti berikut mestilah disempurnakan sebelum keputusan Jawatankuasa boleh dianggap sebagai telah diterima:

8.7.1. Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan terang di dalam surat pekeliling yang diedarkan kepada tiap-tiap ahli jawatankuasa.

8.7.2. Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka terhadap cadangan itu; dan

8.7.3. Keputusan hendaklah dengan undi yang terbanyak. Sebarang keputusan yang didapati melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha Agung kepada mesyuarat Jawatankuasa berikutnya untuk disahkan dan dicatatkan di dalam minit mesyuarat.

8.8. Ahli yang mungkir menghadiri mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meltaikkan jawatan di dalam Jawatankuasa.

8.9. Jika seorang ahli jawatankuasa meninggal dunia atau meletakkan jawatan atau diberhentikan mengikut Fasal 5 (e) dan Fasal 6, maka berkuasalah Jawatankuasa melantik pemegang jawatan berikutnya bersesuaian dengan Fasal 9 untuk memangku jawatan berkenaan sehingga Mesyuarat Agung Tahunan untuk memilih ahli-ahli Jawatankuasa diadakan.

8.10. Jawatankuasa boleh memberi arahan kepada Setiausaha Agung dan Pegawai-pegawai lain untuk menjalankan urusan Pertubuhan, dan melantik pengurus dan kakitangan yang difikirkan mustahak. Ia boleh menggantung atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, engkar menjalankan keputusan Jawatankuasa, atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan Pertubuhan.

8.11. Jawatankuasa boleh menubuhkan Jawatankuasa kecil jika difikirkan mustahak dan memberikan kewajipan khas kepada sebarang ahli Jawatankuasa.

8.12. Jawatankuasa sebelumnya hendaklah menyerahkan semua dokumen yang berkaitan dengan Pertubuhan kepada Jawatankuasa yang baru dipilih, namun masih dipertanggungjawabkan jika ada kesilapan, kerosakan, dan kehilangan semua rekod atau dokumen tersebut.

## FASAL 9 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI



9.1 Presiden dalam tempoh menyandang jawatan hendaklah menjadi Pengerusi semua mesyuarat Jawatankuasa dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat dan pengurusan Pertubuhan. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah ia menandatangani peringatan mesyuarat bila telah diluluskan.

9.2. Timbalan presiden hendaklah membantu tugas-tugas Presiden dan memangku jawatan Presiden semasa ketiadaannya.

9.3. Naib Presiden hendaklah membantu tugas-tugas Presiden dan Timbalan Presiden dan seorang daripadanya memangku jawatan Presiden atau Timbalan Presiden semasa ketiadaannya.

9.4. Setiausaha Agung hendaklah menjalankan kerja pentadbiran Pertubuhan mengikut undang-undang dan hendaklah ia menjalankan perintah Mesyuarat Agung dan Jawatankuasa. Ia bertanggungjawab mengendalikan urusan surat menyurat dan menyimpan semua rekod dan dokumen pertubuhan, kecuali buku-buku akaun dan dokumen kewangan. Setiausaha Agung hendaklah menyimpan buku daftar ahli yang mengandungi maklumat terperinci ahli mengikut kategori seperti nama, tempat dan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan dan alamat rumah kediaman tiap-tiap ahli. Ia hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat dan membuat catatan mesyuarat. Setiausaha Agung hendaklah dalam masa 60 hari dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan mengirimkan penyata tahunan Pertubuhan kepada Pendaftar Pertubuhan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 14(1) Akta Pertubuhan, 1966.

9.5. Penolong Setiausaha Agung hendaklah menolong Setiausaha Agung menjalankan kerja-kerjanya dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Setiausaha Agung.

9.6. Bendahari adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Pertubuhan. Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab di atas ketepatannya.

9.7. Ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah menghadiri semua mesyuarat Pertubuhan dan membantu Jawatankuasa dalam menjalankan tugas yang diarahkan olehnya.

## FASAL 10 KEWANGAN

10.1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut dalam undang-undang ini wang Pertubuhan ini boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Pertubuhan, termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji serta upah memeriksa kira-kira. Walau bagaimana pun, wang itu tidaklah boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah.



10.2. Bendahari dibenarkan menyimpan wang runcit tidak lebih daripada RM1000.00 (Ringgit : Satu Ribu) pada sesuatu masa. wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dalam tempoh 7 hari dimasukkan ke dalam bank yang diluluskan oleh Jawatankuasa. Akaun bank itu hendaklah di atas nama Pertubuhan.

10.3. Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dari akaun Pertubuhan hendaklah ditandatangani bersama oleh Presiden atau Setiausaha Agung dan Bendahari. Semasa ketiadaan Presiden, Setiausaha Agung atau Bendahari maka bolehlah Jawatankuasa melantik sesiapa di antara mereka sebagai pengganti untuk menandatangani cek atau kenyataan pengeluaran wang Pertubuhan.

10.4. Perbelanjaan RM10000 (Ringgit : Sepuluh Ribu) dan ke bawah bagi sesuatu masa boleh diluluskan oleh Presiden bersama Setiausaha Agung dan Bendahari. Perbelanjaan yang lebih daripada RM20000.00 (Ringgit : Dua puluh ribu) bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa. Perbelanjaan yang lebih daripada RM100000.00 (Ringgit : Satu ratus ribu) bagi sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran Mesyuarat Agung terlebih dahulu.

10.5. Penyata kewangan serta kunci kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh bendahari dan diperiksa oleh juruaudit yang dilantik di bawah Fasal 11 undang-undang ini dengan seberapa segera setelah tamatnya tahun kewangan. Penyata kewangan dan kunci kira-kira yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan yang berikut dan salinannya hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di tempat urusan Pertubuhan.

10.6. Tahun kewangan Pertubuhan ini bermula dari 1hb Januari dan berakhir pada 31hb Disember tiap-tiap tahun.

#### **FASAL 11 JURUAUDIT**

11.1. Dua orang yang bukannya Pegawai Pertubuhan hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Juruaudit. Mereka akan memegang jawatan selama satu tahun dan boleh dilantik semula.

11.2. Juruaudit adalah dikehendaki memeriksa penyata kewangan dan kunci kira-kira Pertubuhan bagi setahun dan membuat laporan ataupun pengesahan untuk Mesyuarat Agung Tahunan. Mereka juga dikehendaki pada bila-bila masa oleh Presiden mengaudit penyata kewangan dan kunci kira-kira Pertubuhan bagi mana-mana masa di dalam tempoh perkhidmatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa

#### **FASAL 12 PENTADBIR HARTA / PEMEGANG AMANAH**

12.1. Harta yang tidak boleh dialih bagi Pertubuhan hendaklah didaftar atas nama Pertubuhan dan segala surat cara yang berkaitan dengan harta itu adalah sah



dan berkuatkuasa seolah-olah suratcara itu telah disempurnakan oleh tiga orang pemegang jawatan Pertubuhan ini yang terdiri daripada Presiden, Setiausaha Agung dan Bendahari yang ada pada masa itu dan pelantikan mereka adalah disahkan oleh satu perakuandaripada Pendaftar Pertubuhan dan dimeterikan dengan meteri Pertubuhan.

12.2. Segala hak milik Pertubuhan tidak boleh dijual, ditarik balik atau dipindah hak milik dengan tidak mendapat kelulusan dan kuasa yang diberikan oleh Mesyuarat Agung Pertubuhan.

#### FASAL 13 TAFSIRAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN

13.1. Di antara berlangsungnya Mesyuarat Agung, Jawatan kuasa boleh memberikan tafsirannya kepada undang-undang ini dan Jawatankuasa, jika mustahak, boleh memutuskan perkara-perkara yang tidak jelas di dalam undang-undang ini.

13.2. Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat dalam Mesyuarat Agung, keputusan Jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan Mesyuarat Agung.

#### FASAL 14 PENASIHAT / PENAUNG

14.1. Jawatankuasa boleh, jika difikirkan perlu, melantik orang-orang yang layak menjadi Penaung/Penasihat bagi Pertubuhan ini dengan syarat orang yang dilantik itu menyatakan persetujuannya secara bertulis.

14.2. Bekas-bekas Presiden secara automatik dilantik sebagai Penasihat.

#### FASAL 15 LARANGAN

15.1. Sebarang bentuk perjudian seperti yang ditafsirkan dalam Akta Rumah Judi Terbuka, 1953 adalah dilarang dimainkan di premis pertubuhan.

15.2. Pertubuhan atau ahli-ahlinya tidak harus cuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan di dalam gerakan kesatuan sekerja seperti definisi di dalam Akta Kesatuan Sekerja, 1959.

15.3. Pertubuhan ini tidak boleh menjalankan loteri sama ada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama Pertubuhan atau pegawai-pegawai atau Jawatankuasa atau ahli, tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan.

15.4. Faedah seperti yang diterangkan di bawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966, tidaklah boleh diberikan oleh Pertubuhan kepada mana-mana ahlinya.



15.5. Persatuan penganut tidak dibenarkan pentadbir rumah ibadat.

#### FASAL 16 PINDAAN PERLEMBAGAAN

16.1. Undang-undang ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung. Permohonan untuk pindaan kepada undang-undang hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 60 hari dari tarikh keputusan Mesyuarat Agung meluluskan pindaan itu dan hanya boleh dikuatkuasakan mulai daripada tarikh pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

#### FASAL 17 PEMBUBARAN

17.1. Pertubuhan ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga perlima (3/5) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi dalam suatu Mesyuarat Agung yang dipanggil khas kerananya.

17.2. Sekiranya Pertubuhan hendak dibubarkan secara yang disebutkan diatas, maka segala hutang dan tanggungan Pertubuhan yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui dalam Mesyuarat Agung berkenaan.

17.3. Permohonan pembubaran ini hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 14 hari dari tarikh keputusan pembubaran itu.

#### FASAL 18 BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA

1. Bendera  
-  
Keterangan  
-
2. Lambang



Keterangan  
MAKSUD LAMBANG

P - MEMBERI MAKSUD PERSATUAN  
AM - MEMBERI MAKSUD ALUMNI PROGRAM  
PERSAHABATAN  
A - MEMBERI MAKSUD ASEAN  
J - MEMBERI MAKSUD JEPUN  
A - MEMBERI MAKSUD ABAD KE-21 MALAYSIA



WARNA BIRU MELAMBANGKAN KONSEP HUBUNGAN PERSAHABATN YANG UNIVERSIAL DI ANTARA BEKAS PESERTA PROGRAM DENGAN BELIA-BELIA JEPUN DAN NEGARA ASEAN YANG LAIN. WARNA MERAH MEMBERI MAKSUD PERSAHABATAN YANG ERAT DIKALANGAN AHLI.

3. Lencana
  - 
  - Keterangan
  -

